

Falsafah Pendidikan Kebangsaan Paradigma J.E.R.I.S.A.H Membina Insan Sejahtera Bertaqwa: Perspektif Kepimpinan Pendidikan Dan Guru-Guru

*(National Philosophy of Education The J.E.R.I.S.A.H Paradigm of
Building Pious Prosperous People: The Perspective of Educational
Leadership and Teachers)*

Mohamad Johdi Salleh^{1*}

¹ Kulliyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Selangor

*Pengarang Koresponden: johdi@ium.edu.my

Accepted: 15 March 2022 | Published: 1 April 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.15>

Abstrak: Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan hasil kajian emperikal yang menganalisis efisiensi Falsafah Pendidikan Kebangsaan membina Insan Sejahtera Bertaqwa. Objektif tertumpu kepada sentisis komprehensif FPK komponen J-Jasmani, E-Emosi, R-Rohani, I-Intelek, S-Sosialisasi, A-Adab, dan, H-Hamba Allah-Khalifatullah - akronim J.E.R.I.S.A.H. Kajian kuantitatif ini menggunakan soalselidik dimensi JERISAH skala 6-Likert sebagai instrumen pengumpulan data daripada responden dipilih melalui kaedah convenient sampling melibatkan 248 orang kepimpinan pendidikan dan guru-guru terlatih pelbagai pengkhususan dan pengalaman pendidikan seluruh Malaysia. Mereka sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Pendidikan Sesi 2018-2021 kendalian Kulliyah Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di kampus Gombak, Kuantan dan Pagoh. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden 'Sangat Setuju' bahawa FPK-JERISAH berketerampilan membina Insan Sejahtera holistik universal dengan mencapai purata min 5.5490. Respon tertinggi adalah dimensi Hamba Allah-Khalifatullah min 5.8186, kedua Rohani min 5.7686 dan ketiga Emosi min 5.6471. Sentisis kajian membuktikan bahawa FPK-JERISAH berwibawa membina Insan Sejahtera Bertaqwa progresif, inovatif dan professional. Hasil kajian bermanfaat kepada penggubal, peneraju, dan pelaksana pendidikan sarwajagat. Semua pihak terlibat perlu mengamalkan FPK paradigma JERISAH untuk menjana insan sejahtera bertaqwa yang berilmu seimbang, beradab, amanah, dan, berketerampilan cemerlang di persada nasional dan internasional demi merealisasi Dasar Pembangunan Malaysia Maju 2030 dan seterusnya menelusuri kepimpinan pendidikan sepanjang hayat melampaui abad ke-21.

Kata kunci: Falsafah Pendidikan Kebangsaan, JERISAH, Insan Sejahtera Bertaqwa

Abstract: This paper aims to discuss the results of an empirical study that analyzed the efficiency of the National Education Philosophy in building a Pious Prosperous People. The objective is focused on the comprehensive synthesis of FPK components J-Jasmani, E-Emosi, R-Rohani, I-Intelek, S-Sosialisasi, A-Adab and H-Hamba Allah-Khalifatullah - the acronym J.E.R.I.S.A.H. This quantitative study uses a 6-Likert scale JERISAH dimension questionnaire as a data collection instrument from respondents selected through convenient sampling method involving 248 educational leaders and trained teachers of various specializations and

educational experiences throughout Malaysia. They are currently studying for a Master of Education Session 2018-2021 conducted by Kulliyah Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia at the Gombak, Kuantan and Pagoh campuses. The findings of the study showed that the majority of respondents 'Strongly Agree' that FPK-JERISAH has the skills to build a universal holistic Prosperous People by achieving an average mean of 5.5490. The highest response is the dimension of the Servant of God-Khalifatullah min 5.8186, the second Spiritual min 5.7686 and the third Emotional min 5.6471. The synthesis of the study proves that FPK-JERISAH is competent to build progressive, innovative and professional Insan Sejahtera Bertaqwa. The results of the study are beneficial to the drafters, leaders, and implementers of universal education. All parties involved need to adopt the JERISAH FPK paradigm to generate pious people who are well-informed, civilized, trustworthy, and have excellent skills on the national and international stage in order to realize the Malaysia Maju 2030 Development Policy and further trace the leadership of lifelong education beyond the 21st century.

Keywords: Philosophy of National Education, JERISAH, Insan Sejahtera Bertaqwa

1. Pengenalan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Malaysia merupakan teras yang mendasari pembentukan sistem pendidikan Malaysia mengandungi aspek kurikulum, pedagogi, epistemology, axiology, estetika, dan, saintifik. Pembinaan FPK adalah resolusi muzakarah kepinpinan strategik dasar dan cendekiawan futuristik pelbagai latar keilmuan dan professionalism dari Malaysia dan sarwajagat. FPK menerajui pendidikan nasional sejak 1988 terus memacu aktif mengamalkan ciri-ciri pengajaran-pembelajaran abad ke-21 demi merealisasikan Matlamat Kelestarian Pembangunan Global yang berpaksikan Maqasid Shariah ke arah membina sakhshiah insan berilmu bersepadu, berketerampilan kompetitif, seimbang holistik, berakhlak budi luhur, beragama, amanah dan patriotik jati tulen. Kemajuan teknologi Revolusi Industri 4.0, globalisasi dan potensi keupayaan pelajar perlu digilap sepenuhnya untuk mengoptimumkan penghasilan kemenjadian pelajar yang cemerlang-terbilang demi merealisasikan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Pembangunan Pendidikan Pengajian Tinggi Malaysia 2015-2025 dan aspirasi Pembangunan Malaysia Maju 2030.

2. Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang dibina pada tahun 1988 adalah seperti berikut:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988).

Visi dan Misi FPK adalah untuk membina individu pintar seimbang, berbakat, minda kritis dan progresif bagi memastikan mereka dapat menyumbang kepada pembentukan bakat insan cemerlang yang bakal menjadi pemikir profesional, pencipta strategi, pemimpin amanah dan teknologi inovatif futuristik.

Iltizam dan keikhlasan minda penggubal FPK inspirasi Persidangan Pertama Pendidikan Islam di Makkah tahun 1977 masih kekal mekar dan berkeupayaan progresif menerajui pendidikan Malaysia masakini dan akan datang. Persidangan ini disertai oleh seramai 313 tokoh Islam terdiri daripada ulama tersohor, cendekiwan pelbagai disiplin dan profesional kontemporari seluruh dunia. Matlamat dan objektif pendidikan komprehensif dalam Islam resolusi Persidangan Makkah 1977 dimaktubkan seperti berikut:

“Education should aim at the balanced growth of the total personality of Man through the training of Man’s spiritual, intellectual, rational self, feeling and bodily sense. The training imparted to a Muslim must be such that faith is infused into the whole of his personality and creates in him an emotional attachment to Islam and enable him to follow the Quran and Sunnah and be governed by the Islamic system of values willingly and joyfully so that he may proceed to the realization of his status as Khalifatullah to whom Allah has promised the authority of the universe (Al Attas, 1979:158-159)”.

Terdapat banyak persamaan antara komponen Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia dan dimensi Falsafah Pendidikan perspektif Islam tersebut di atas. Terdapat sepuluh komponen utama iaitu kehidupan beragama dengan keyakinan kepada Tuhan, keseimbangan dan keharmonian holistik, amanah dan beretika luhur, keahlian dalam komuniti bermasyarakat, bertanggungjawab dan amanah dalam pembangunan komuniti dan negara, jalinan rangkaian komoditi bernilai bermakna, pembelajaran sepanjang hayat demi menerokai pelbagai ilmu, mengkaji dan meningkatkan keterampilan keilmuan masakini, keharmonian seimbang setiap peringkat ke arah iltizam membangunkan diri keluarga komuniti dan negara, dan, berjihad memperjuangkan keamanan serta kebajikan ummah yang usaha gigih berterusan dan amanah sebagai Khalifatullah bertaqwa sejahtera merentasi generasi dan masa dengan orientasi rahmatan-lil-alamiin.

Jelas terbukti keterampilan FPK 1988 telah berjaya menghasilkan individu insan pelajar berilmu, holistik, harmonis, dan, kompetitif di persada nasional dan internasional setara dengan graduan universiti tersohor seperti Universiti Al-Azhar, Universiti London, Universiti Oxford, Universiti Cambridge, Universiti Harvard.

3. Falsafah Pendidikan Kebangsaan Paradigma JERISAH

Kecemerlangan pendidikan sedemikian adalah berteraskan keterampilan FPK Malaysia yang mengandungi prinsip pembinaan insan komprehensif holistik dengan komponen J-Jasmani, E-Emosi, R-Rohani, I-Intelek, S-Sosialisasi, A-Adab dan H-Hamba Allah akronim J.E.R.I.S.A.H.

3.1 J-Jasmani:

Komponen ‘Jasmani’ merupakan teras menghasilkan kewibawaan individu berkemampuan fizikal psikomotor dengan wacana personaliti kepimpinan dan pengurusan sakhshiah diri. Nutrisi halal dan baik amalan Rasulullah SAW menjadi faktor utama kecergasan jasmani dan kesihatan lestari sendiri. Pembinaan jasmani sejahtera perlu memperuntukkan masa untuk rekreasi dan aktiviti luar, membina bakat dan kemahiran fizikal dengan jurulatih khas, bermain dan bersukan demi mengekalkan kesihatan dan tenaga, konsisten riadah dan bersukan, senaman teratur di gimnasium, dan, mengamalkan gaya fizikal sihat cergas.

Fitrah jasmani normatif ‘lelaki’ dan ‘perempuan’ yang saling melengkapi, mempunyai keistimewaan dan hak sedia termaktub dalam Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Tidak perlu gundah gulana menghebahkan senario naluri tak normal transgender LGBT atau seumpamanya yang kabur status fizikal dan fungsinya dalam diri, masyarakat dan negara.

Manusia seharusnya menghargai dan mensyukuri terhadap nikmat kejadian insan sebagai ciptaan Allah SWT terbaik sempurna tiada bandingan nilai yang dengan mutlak menolak teori evolusi chipenzi Darwinisme.

Kekuatan fizikal dengan penggunaan luhur kudus menegakkan kebenaran berjaya membina dan menghasilkan tamadun bermanfaat kepada kesejahteraan ummah sepanjang zaman yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

3.2 E-Emosi:

Emosi berkait rapat dengan hati yang menjadi sumber terbinanya jiwa dan keharmonian perasaan. Rasulullah SAW menegaskan hati yang baik akan menzahirkan perilaku yang baik dan hati yang tidak baik akan menjelmakan perlakuan mungkar.

Emosi terbentuk daripada hati yang membina tingkahlaku dan perbuatan berdasarkan perspektif Barat Sigmund Freud terbahagi kepada kategori iaitu id, ego, dan, superego. Emosi atau nafsu perasaan mengikut perspektif Islam terbahagi kepada 7-hierarki iaitu amarah, lauwamah, mulhimah, mutmainnah, rodhayah, mardhiyyah, dan, kamilah.

Amarah adalah emosi atau nafsu yang selalu memerintahkan individu berperlakuan jahat dan berdosa. Allah SWT berfirman dalam Al Qur'an maksudnya: Sesungguhnya nafsu amarah itu sentiasa mendorong kepada kejahatan, seperti bakhil, hasad, jahil, pemarah, cinta dunia, dan, angkuh sombong.

Lauwamah adalah nafsu yang berperasaan menyesali perbuatan jahatnya seperti membangga diri, tidak adil, khianat dan berbohong. **Mulhimah** merupakan emosi yang selalu mendapat ilham untuk berperilaku kebaikan seperti dermawan, merendah diri, sabar, berbudi, dan, beradab sopan. **Mutmainnah** merupakan emosi yang tenang, tenteram dan bahagia runtunan daripada perilaku bersyukur, bersedeqah, tawakkal, ibadah, ikhlas, redha, dan, bersifat hamba Allah-khalifatullah. Kedudukan nafsu Mutmainnah sangat istimewa, Allah SWT berfirman: Wahai jiwa mutmainnah yang tenang kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang redha dan diredhai-Nya. Allah menjemput insan masuk syurga yang kekal selama-lamanya. **Rodhiyah** adalah nafsu perasaan yang sentiasa redha terhadap segala ketentuan Allah SWT dengan berperilaku zikrullah, ikhlas, menepati janji, menjauhi subahat, zuhud, kemuliaan-karamah dan merindui Allah SWT. **Mardhiyyah** adalah nafsu yang telah mendapat redha Allah dengan berperlakuan baik budi pekerti, belas kasihan kepada semua makhluk, taqarrub kepada Allah, berfikir tentang keagungan Allah, dan, sentiasa redha dengan pemberian Allah SWT. Tertinggi nafsu **Kamilah** iaitu bersih suci daripada segala perilaku madzmumah-kejahatan dan manifestasi kebaikan sempurna hingga Allah SWT mengklasifikasikan Kamilah sebagai golongan solehin muttaqin dijemput masuk dalam syurga-Nya. Mereka adalah insan berperlakuan ilmu-yaqin, ainul-yaqin, Haqqul-yaqin, menjauhi perkataan keji tercela, amanah jujur, menolong semua makhluk dan istiqamah mematuhi segala perintah Allah SWT. Insan sedemikian sentiasa menghargai apa jua pemberian dan ciptaan Allah SWT dengan berterusan berdoa mohon dijauhkan daripada azab sengsara api neraka.

Jelaslah bahawa komponen Emosi berkait rapat dengan elemen minda dan hati sanubari yang meruntun jiwa perasaan dan keimanan dengan adab perilaku yang membentuk akal budi. Minda positif menghasilkan kelapangan dada, ketenangan perasaan dan membina kebahagiaan jiwa. Kebersihan hati yang membitarkan kedamaian sanubari akan membuahkan kesejahteraan dan kebahagiaan hakiki.

3.3 R-Rohani:

'Rohani' membawa erti batin yang berkaitan dengan roh, jiwa dan elemen keagamaan seperti kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Rohani berkaitan dengan enam Rukun Iman iaitu Meyakini Allah SWT, Meyakini Para Malaikat, Meyakini Kitab-kitab Allah, Meyakini Rasul-rasul Allah, Meyakini Hari Kiamat, dan, Meyakini Qadha dan Qadar Allah SWT. Rohani turut dikaitkan dengan tanggung jawab mengamalkan Rukun Islam iaitu Syahadah, Solat Fardhu, Berpuasa Ramadhan, Zakat penyucian harta, dan, Mengerjakan Haji di Baitullah.

Pendidikan rohani mengandungi kurikulum bersepadu yang membina kesedaran dan kewujudan Tuhan Pencipta yang Maha Berkuasa, berterima kasih kepada pemberian manusia dan bersyukur dengan anugerah kenikmatan rezqi Tuhan Yang Maha Kaya dan Pemurah, usaha murni holistik dalam membina kesepaduan potensi diri, menyedari dan mengetahui tanggungjawab kepada Tuhan, mengamalkan ibadah tertentu untuk memohon pertolongan Tuhan bersesuaian dengan Maqasid Syariah, dan, menhayati ayat-ayat Al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW demi mengukuh dan memurnikan kerohanian yang bahagia sejahtera.

Ketiadaan pendidikan rohani diniah dalam kurikulum persekolahan menghasilkan individu yang tiada kepercayaan dan keyakinan kepada Allah SWT sebagai Pencipta Yang Maha Kuasa untuk sekalian makhluk bergantung dan minta pertolongan. Penafian pendidikan rohani memunculkan pelbagai idea negatif, perilaku destruktif, keangkuhan dan kesesatan manusia bersifat egoistic, individualistic, materialistik, penyembahan sesama manusia, penkid, LGBT, black metal, hooliganism, dan, hiburan hedonistik memuja hantu-syaitan yang membawa kemusnahan kebinasaan kepada kemanusiaan dan sekalian alam.

3.4 I-Intelek:

Intelek merupakan teras minda anugerah Allah SWT tertinggi kepada manusia merupakan faktor pemudah cara, pemutus bicara, penyelesaian masalah, dan, pembina kerjaya profesional. Intelek tinggi mampu meneroka angkasa, minda bijaksana membina kebahagiaan manusia dan kemahiran intelek berjaya menunduk-jinakkan pelbagai haiwan di dunia.

Komponen intelek mewujudkan individu dengan kesepaduan ilmu Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah saintifik yang memacu pembangunan negara, bangsa dan agama dalam lembayung duniawi dan ukhrawi. Ilmu sebagai teras kemajuan dan kecemerlangan akan meningkatkan status quo diri individu dan keluarga beberapa darjat dan memudahkan seseorang untuk masuk ke syurga. Ilmu yang hak dan benar menjadi khazanah termulia sesebuah negara yang menjadikan pendidikan sebagai wajib dengan penguatkuasaan saksama.

Bahkan surah Al-Quran pertama yang diwahyukan adalah mengenai pendidikan, iaitu 'Bacalah. Dengan Nama Tuhan yang menjadikan'. Ini memberi makna bahawa menuntut ilmu berpaksikan kerana Allah supaya semakin tinggi perolehan ilmu bertambah zuhud patuh individu itu kepada Allah SWT. Resmi padi semakin berisi semakin tunduk beriktibar saling menghormati sesama manusia, haiwan, tumbuhan dan persekitaran. Bukan resmi lalang tanpa isi semakin menegak tinggi ego persis bertambah tinggi ilmu akan semakin hidung tinggi, besar irihati dan bertambah angkuh takabbur berpunca daripada ilmu berpaksikan duniawi sekularime sifar unsur ukhrawi.

Komponen intelek dapat ditingkatkan dengan mencintai membaca dan sentiasa mencari ilmu baharu, meminati rekacipta, sains dan teknologi, berfikiran terbuka, konstruktif dan positif terhadap ilmu, menyedari ilmu boleh mengubah kehidupan seseorang, sedia belajar dengan guru tanpa mengira kepercayaan dan agama mereka, berhasrat menyambung pengajian ke

peringkat Ijazah PhD, and, berminat dan berusaha penuh menuntut ilmu sepanjang hayat dari buaian hingga ke liang lahad.

Jelas bahawa FPK berteraskan komponen **JERI** berwibawa menghasilkan individu holistik seimbang berketerampilan, harmonis, berakidah, dan berilmu berhikmah. Terbukti kompetensi JERI merupakan komponen teras kepada pembentukan insan holistik sejahtera selaras dengan objektif KBSM iaitu membina kesepaduan tulus rakyat Malaysia, mengembangkan pengetahuan dan kemahiran Teknologi secara positif kreatif dan konstruktif, berupaya menghadapi cabaran sepanjang abad, kebijaksanaan berinteraksi dalam pelbagai situasi, dan, adil-saksama menyelesaikan pelbagai masalah dalam kehidupan dan kerjaya secara profesional dan berintegriti.

Berdasarkan perspektif Islam, FPK mempunyai komponen lebih luas dan signifikan sebagai kerangka dan dasar pendidikan negara untuk menghasilkan individu komprehensif dan kompetatif di dunia dan akhirat dalam rahmat Allah SWT.

3.5 S-Sosialisasi:

Komponen **sosialisasi** bermula daripada interaksi sesama individu, ahli keluarga, dalam kalangan komuniti, bersemangat patriotik, amanah, bertanggungjawab, sanggup berjuang mempertahankan bangsa, negara, dan agama. Individu hasil FPK berkeperibadian mengamalkan prinsip Rukunegara iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang, dan, Kesopanan dan Kesusilaan.

Di alam persekolahan, para pelajar dilatih menyertai pasukan beruniform satria, keselamatan dan ketenteraman awam dengan disiplin kerjaya berpaksikan melentur buluh biarlah daripada rebung. Kompetensi individu turut digarap untuk membangunkan negara dalam paradigma kewarganegaraan dinamik dan konstruktif yang sentiasa bekerjasama dan mematuhi arahan kerajaan termasuk normal baharu PKP pandemik Covid 19.

Tidak wujudlah individu yang kononnya mendakwa sebagai warganegara pribumi tulen namun tindakannya berupa parasit masyarakat, pencetus vandalisme, dan, subversive bandit negara.

Sosialisasi patriotism FPK yang menghasilkan individu wibawa kepimpinan akan mengenyahkan dogma kambing dan kancil menjadi pemimpin manusia yang kejadiannya terbaik dalam kalangan makhluk.

3.6 A-Adab:

Adab merupakan teras peradaban yang membina keluhuran, kemurnian dan kelestarian pembangunan bangsa, negara, dan, dunia.

Kegemilangan sesuatu Tamadun bermula daripada pendidikan di sekolah membina pengamalan adab dan akhlak seperti menjaga kebersihan dan kecantikan bilik darjah untuk motivasi pembelajaran, membersihkan sampah sarap demi ketenangan, membuang benda tak berguna di tempat yang disediakan, dan, memelihara keharmonian kejiranan. Anggota keluarga bekerjasama membina rumah sendiri yang sihat dan sesuai untuk pembelajaran dan pembangunan keluarga sejahtera bahagia bersituasi 'rumahku syurgaku'.

Setiap individu dididik bertanggung-jawab mengekalkan personaliti ceria, berfikiran positif dan inovatif ke arah transformasi dunia yang adil saksama termasuk memelihara haiwan dan

tumbuh-tumbuhan untuk mengekalkan ekologi demi produktiviti yang tinggi dalam persekitaran negara bersih, cantic dan ceria. Pembinaan peradaban sedemikian pastinya semakin lancar dan efisien dengan menggunakan pelbagai kaedah dan teknologi terkini untuk membina kerjaya, pemerkasaan professionalism dan pemertabatan agama-bangsa di era globalisasi demi kelestarian pembangunan sarwajagat.

Prinsip Adab murni amat diutamakan dalam JERISAH-FPK serta menjadi penanda aras kemenjadian individu berperadaban universal yang akan membina suatu tamaddun bertingkah laku saling menghormati, minda positif, inovatif, optimis, dan husnul-dzan. Kelestarian peradaban berteraskan akidah kudus dan akhlak adab murni berjaya membangunkan tamaddun Islam tujuh abad yang aman damai penuh kebaikan serta mendapat keampunan Allah SWT.

3.7 H-Hamba Allah:

Hamba Allah merupakan insan paling tinggi status dalam kalangan makhluk di dunia ini yang dijadikan oleh Allah SWT. Bahkan Allah SWT mengangkat martabat manusia sebagai **khalifatullah** untuk mentadbir alam-dunia dan isinya dengan kepatuhan sepenuhnya sebagai insan muttaqin. Taqwa merupakan nilai tertinggi individu yang dijamin Allah SWT sebagai insan solehin pembawa panji rahmatan-lill-alamiin.

Individu insan sedemikian akan menyedari bahawa bekerja sebagai kewajipan dengan ikhlas dan amanah, belajar dan bekerja sebagai ibadah kepada Allah, mengerjakan solat lima-waktu setiap hari, bekerja sepenuh usaha dengan produktiviti terbaik dan sempurna, mengerjakan yang baik dan meninggalkan kejahatan kerana Allah, menyedari anugerah terbaik adalah daripada Allah di dunia dan akhirat, bertawakkal dan bertaqwa kepada Allah terhadap segala perbuatan, kehidupan dan kesejahteraan.

Terbukti bahawa JERISAH-FPK secara prinsip digubal untuk melahirkan individu insan holistik dan berketerampilan berdasarkan matlamat diciptakan iaitu manusia sebagai hamba Allah yang dituntut menjalinkan hubungan ritual secara vertical pengabdian kepada Allah SWT dan manusia sebagai Khalifatullah dipertanggungjawabkan menjalin hubungan secara horizontal dengan sesama manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan pelbagai makhluk lain. Kedua-dua amanah ini termaktub dalam konsep ilmu yang komprehensif diformulasikan oleh Imam Al-Ghazali sebagai Ilmu Fardhu Ain dan Ilmu Fardhu Kifayah yang kedua-duanya adalah fardhu untuk dituntut oleh individu Muslim. Ini bererti semua aktiviti Insan Muslim dinilai sebagai ibadah kepada Allah SWT berwujud menghasilkan individu seimbang, berketerampilan, sejahtera dan soleh yang Allah SWT kurniakan kejayaan di dunia dan kesejahteraan di akhirat dalam syurga-Nya.

Sehubungan dengan perkara di atas, wujud suatu keperluan rasionalistik, konstruktif, kontemporari dan futuristik untuk membuat kajian terhadap FPK paradigma JERISAH khasnya dalam konteks pembangunan Insan Sejahtera holistik kudus yang selaras dengan orientasi Pembelajaran-Pengajaran abad ke-21, prinsip Maqasid Shariah dan Matlamat Kelestarian Pembangunan Global (SDG).

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk menganalisis Falsafah Pendidikan Kebangsaan paradigm JERISAH dalam pembinaan Insan Sejahtera berdasarkan persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru.

Soalan Kajian

Soalan-soalan kajian adalah seperti berikut:

- 1) Apakah persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap komponen Jasmani pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam pembinaan Insan Sejahtera?
- 2) Apakah persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap komponen Emosi pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam pembinaan Insan Sejahtera?
- 3) Apakah persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap komponen Rohani pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam pembinaan Insan Sejahtera?
- 4) Apakah persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap komponen Intelek pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam pembinaan Insan Sejahtera?
- 5) Apakah persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap dimensi Sosialisasi-Patriotism pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam pembinaan Insan Sejahtera?
- 6) Apakah persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap dimensi Adab pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam pembinaan Insan Sejahtera?
- 7) Apakah persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap dimensi Khalifah Allah pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam pembinaan Insan Sejahtera?
- 8) Apakah persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap Paradigma JERISAH pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam pembinaan Insan Sejahtera?

3. Metodologi

Kajian kuantitatif ini menggunakan soalselidik skala 6-Likert sebagai instrumen pengumpulan data dengan Skala 1 – Sangat Tidak Setuju, Skala 2 – Tidak Setuju, Skala 3 – Agak Tidak Setuju, Skala 4 – Agak Setuju, Skala 5 – Setuju dan Skala 6 – Sangat setuju. Soalselidik mengandungi dimensi utama FPK akronim JERISAH iaitu J-Jasmani, E-Emosi, R-Rohani, I-Intelek, S-Sosialisasi-Patriotism, A-Adab-Tamadun, dan H-Hamba Allah-Khalifatullah.

Responden kajian dipilih melalui kaedah convenient sampling terdiri daripada 248 orang kepimpinan pendidikan dan guru-guru lelaki dan wanita pelbagai etnik dari seluruh Malaysia. Mereka sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Pendidikan Sesi 2018-2021 kendalian Kulliyah Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di kampus Gombak, Kuantan dan Pagoh. Responden merupakan guru-guru terlatih yang memegang pelbagai jawatan pentadbiran akademik seperti Penolong Pegawai Pendidikan Daerah, Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Ko-Kurikulum, Penolong Kanan Hal-Ehwal Murid, Penyelaras Kurikulum, dan Ketua Panitia. Mereka berpengalaman mengajar merentas disiplin melebihi tujuh tahun sedang berkhidmat di sekolah rendah, sekolah menengah, Kolej Pengajian MARA, Pusat Matrikulasi dan pelbagai institusi persekolahan yang mengamalkan sistem pendidikan Malaysia.

4. Dapatan Kajian

- 1) Apakah persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap komponen Jasmani pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam pembinaan Insan Sejahtera?

Jadual 1.0 menunjukkan dapatan kajian mengenai persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap komponen Jasmani pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam membina Insan Sejahtera.

Jadual 1.0: FPK Komponen Jasmani Membina Insan Sejahtera: Persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru (N=248)

Komponen Jasmani	Pencapaian Kepentingan			
	Min	SP	Posisi	Pencapaian
Mengambil makanan yang baik dan pemakanan tambahan	5.6579	0.7092	1	Sangat Tinggi
Menyediakan masa untuk rekreasi dan aktiviti luar	5.0381	0.9128	3	Sangat Tinggi
Membina bakat dan kemahiran fizikal dengan jurulatih khas	4.9426	0.9984	4	Tinggi
Bermain dan bersukan untuk mengekalkan kesihatan dan tenaga	4.7725	1.2837	5	Tinggi
Menyediakan jadual khas untuk riadah dan bersukan	4.4528	1.5673	6	Tinggi
Menyediakan kewangan khas untuk senaman di gimnasium	4.0638	1.5694	7	Tinggi
Fizikal saya sihat dan kuat	5.1368	1.0244	2	Sangat Tinggi
Purata Min	4.8614	1.1517		Tinggi

Indeks: 1.00-1.99 = Sangat Rendah; 2.00-2.99= Rendah; 3.00-3.99= Agak Tinggi; 4.00-4.99= Tinggi; 5.00-6.00= Sangat Tinggi.

Jadual 1.0 menunjukkan bahawa Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru mempunyai persepsi tiga elemen Jasmani mencapai 'Sangat Tinggi' dan empat elemen mencapai 'Tinggi'. Pencapaian Pertama tertinggi ialah elemen 'Mengambil makanan yang baik dan pemakanan tambahan' min 5.6579 dan SP 0.7092. Kedua tertinggi ialah 'Fizikal saya sihat dan kuat' min 5.1368 dan SP 1.0244, dan Ketiga 'Menyediakan masa untuk rekreasi dan aktiviti luar' min 5.0381 dan sisihan piawai 0.9128.

Terdapat empat elemen Jasmani yang mencapai tahap 'Tinggi' pada kedudukan Keempat iaitu 'Membina bakat dan kemahiran fizikal dengan jurulatih khas' min 4.9426 dan SP 0.9984, Kelima 'Bermain dan bersukan untuk mengekalkan kesihatan dan tenaga' min 4.7725 dan SP 1.2837, dan Keenam 'Menyediakan jadual khas untuk riadah dan bersukan' min 4.4528 dan SP 1.5673. Pencapaian terendah pada kedudukan Ketujuh ialah pernyataan 'Menyediakan kewangan khas untuk senaman di gimnasium' min 4.0638 dan SP 1.5694.

Pada keseluruhannya kajian menunjukkan bahawa Falsafah Pendidikan Kebangsaan dimensi Jasmani dapat membina Insan Sejahtera berdasarkan persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru mencapai tahap 'Tinggi' dengan purata min 4.8614 daripada maksimum min 6.0000.

2) Apakah persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap komponen Emosi pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam pembinaan Insan Sejahtera?

Jadual 2.0 memaparkan dapatan kajian mengenai persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap komponen Emosi pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam membina Insan Sejahtera.

Jadual 2.0: FPK Dimensi Emosi Membina Insan Sejahtera: Persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru (N=248)

Dimensi Emosi	Pencapaian Kepentingan			
	Min	SP	Posisi	Pencapaian
Mengetahui dan meyakini nilai baik dan buruk	5.7724	0.4977	2	Sangat Tinggi
Menghormati dan menghargai kawan	5.7493	0.5148	4	Sangat Tinggi
Mempunyai potensi berjaya dalam kehidupan	5.7619	0.4972	3	Sangat Tinggi
Menghormati semua orang tanpa mengira kaum dan kepercayaan	5.8459	0.4542	1	Sangat Tinggi

Mencari peluang membina kebolehan diri	5.6148	0.6153	5	Sangat Tinggi
Emosi yang stabil dan selalu berfikir sebelum bertindak	5.4573	0.6758	6	Sangat Tinggi
Sentiasa tenang dan bahagia	5.3572	0.9154	7	Sangat Tinggi
Purata Min	5.6471	0.5952		Sangat Tinggi

Indeks: 1.00-1.99 = Sangat Rendah; 2.00-2.99= Rendah; 3.00-3.99= Agak Tinggi; 4.00-4.99= Tinggi; 5.00-6.00= Sangat Tinggi.

Jadual 2.0 menunjukkan Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru mempunyai persepsi Sangat Setuju bahawa dimensi Emosi FPK dapat membina Insan Sejahtera. Ini terbukti berdasarkan persepsi responden yang Sangat Tinggi bahawa semua elemen dalam dimensi Emosi dapat memberi sumbangan kepada pembinaan Insan Sejahtera dengan purata min 5.6471 dan sisihan piawai 0.5952.

Pencapaian Pertama tertinggi adalah 'Menghormati semua orang tanpa mengira kaum dan kepercayaan' mencapai min 5.8459 dan sisihan piawai 0.4542. Kedudukan Kedua tertinggi pernyataan 'Mengetahui dan meyakini nilai baik dan buruk' mendapat min 5.7724 dan sisihan piawai 0.4977. Ketiga adalah pernyataan 'Mempunyai potensi berjaya dalam kehidupan' dengan min 5.7619 dan sisihan piawai 0.4972. Respon Keempat tertinggi adalah pernyataan 'Menghormati dan menghargai kawan' dengan min 5.7493 dan sisihan piawai 0.5148. Tempat Kelima pernyataan 'Mencari peluang membina kebolehan diri' mendapat min 5.6148 dan sisihan piawai 0.6153. Keenam adalah 'Emosi yang stabil dan selalu berfikir sebelum bertindak' min 5.4573 dan sisihan piawai 0.6758. Dapatan adalah memberangsangkan kerana respon Ketujuh dengan pernyataan 'Sentiasa tenang dan bahagia' masih mendapat min sangat tinggi iaitu 5.3572 dan sisihan piawai 0.9154.

Dapatan yang ditunjukkan dalam Jadual 2.0 memberi keyakinan Sangat Tinggi bahawa komponen Emosi dalam FPK dapat membina Insan Sejahtera. Responden terdiri daripada Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru Sangat Setuju terhadap keupayaan kesemua elemen dalam dimensi Emosi ini dengan pencapaian purata min **5.6471** daripada maksimum min 6.0000.

3) Apakah persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap komponen Rohani pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam pembinaan Insan Sejahtera?

Jadual 3.0 menunjukkan dapatan kajian mengenai persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap komponen Rohani pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam membina Insan Sejahtera.

Jadual 3.0: FPK Komponen Rohani Membina Insan Sejahtera: Persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru (N=248)

Komponen Rohani	Pencapaian Kepentingan			
	Min	SP	Keduduka n	Pencapaian
Menyedari kewujudan Tuhan Pencipta	5.7138	0.7392	6	Sangat Tinggi
Mengetahui kewujudan Tuhan Pencipta	5.8314	0.5416	3	Sangat Tinggi
Berterima kasih dan bersyukur dengan pemberian Tuhan Pencipta	5.8137	0.5434	4	Sangat Tinggi
Holistik dan membina kesepaduan potensi diri	5.6138	0.6153	7	Sangat Tinggi
Menyedari dan mengetahui tanggungjawab terhadap Tuhan	5.7731	0.4979	5	Sangat Tinggi
Mengamalkan ibadah tertentu untuk memohon pertolongan Tuhan	5.8421	0.5238	1	Sangat Tinggi

Membaca ayat-ayat Al-Quran dan Hadith setiap hari demi kerohanian	5.8326	0.4615	2	Sangat Tinggi
Purata Min	5.7686	0.5598		Sangat Tinggi

Indeks: 1.00-1.99 = Sangat Rendah; 2.00-2.99= Rendah; 3.00-3.99= Agak Tinggi; 4.00-4.99= Tinggi; 5.00-6.00= Sangat Tinggi.

Jadual 3.0 menunjukkan Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru Sangat Setuju bahawa komponen Rohani FPK dapat membina Insan Sejahtera. Ini terbukti berdasarkan persepsi responden yang Sangat Tinggi pada setiap elemen dalam komponen Rohani dapat memberi sumbangan kepada pembinaan Insan Sejahtera dengan purata min 5.7689 dan sisihan piawai 0.5598.

Pencapaian Pertama tertinggi adalah ‘Mengamalkan ibadah tertentu untuk memohon pertolongan Tuhan’ mencapai min 5.8421 dan sisihan piawai 0.5238. Kedudukan Kedua tertinggi pernyataan ‘Membaca ayat-ayat Al-Quran dan Hadith setiap hari demi kerohanian’ mendapat min 5.8326 dan sisihan piawai 0.4615. Ketiga adalah pernyataan ‘Mengetahui kewujudan Tuhan Pencipta’ dengan min 5.8314 dan sisihan piawai 0.5416. Respon Keempat tertinggi adalah pernyataan ‘Berterima kasih dan bersyukur dengan pemberian Tuhan Pencipta’ dengan min 5.8137 dan sisihan piawai 0.5434. Tempat Kelima pernyataan ‘Menyedari dan mengetahui tanggungjawab terhadap Tuhan’ mendapat min 5.7731 dan sisihan piawai 0.4979. Keenam adalah ‘Menyedari kewujudan Tuhan Pencipta alam dan manusia’ min 5.7138 dan sisihan piawai 0.7392. Dapatan adalah memberangsangkan kerana respon Ketujuh dengan pernyataan ‘Holistik dan membina kesepaduan potensi diri’ masih mencapai min sangat tinggi iaitu 5.6138 dan sisihan piawai 0.6153.

Jelas terbukti pada dapatan yang ditunjukkan dalam Jadual 3.0 memberi keyakinan Sangat Tinggi bahawa komponen Rohani dalam FPK dapat membina Insan Sejahtera. Responden merupakan Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru Sangat Setuju terhadap keupayaan kesemua elemen dalam dimensi Rohani dengan pencapaian purata min **5.7686** daripada maksimum min 6.0000.

4) Apakah persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap komponen Intelek pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam pembinaan Insan Sejahtera?

Jadual 4.0 menunjukkan dapatan kajian mengenai persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap komponen Intelek pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam membina Insan Sejahtera.

Jadual 4.0: FPK Komponen Intelek Membina Insan Sejahtera: Persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru (N=248)

Komponen Intelek	Pencapaian Kepentingan			
	Min	SP	Posisi	Pencapaian
Mencintai membaca dan sentiasa mencari ilmu baharu	5.7494	0.5146	1	Sangat Tinggi
Meminati rekacipta, sains dan teknologi	5.5239	0.6362	6	Sangat Tinggi
Berfikiran terbuka, konstruktif dan positif terhadap ilmu	5.7248	0.5153	2	Sangat Tinggi
Menyedari ilmu boleh mengubah kehidupan seseorang	5.5836	0.6724	5	Sangat Tinggi
Sedia belajar dengan guru tanpa mengira kepercayaan dan agama mereka	5.6175	0.6153	4	Sangat Tinggi
Berhasrat menyambung pengajian ke peringkat Ijazah PhD	5.3983	1.1457	7	Sangat Tinggi

Berminat dan berusaha penuh mencari ilmu dari buaian hingga ke liang lahad	5.7183	0.5847	3	Sangat Tinggi
Purata Min	5.6157	0.6673		Sangat Tinggi

Indeks: 1.00-1.99 = Sangat Rendah; 2.00-2.99= Rendah; 3.00-3.99= Agak Tinggi; 4.00-4.99= Tinggi; 5.00-6.00= Sangat Tinggi.

Jadual 4.0 menunjukkan Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru Sangat Setuju bahawa komponen Intelpek FPK dapat membina Insan Sejahtera. Ini terbukti berdasarkan persepsi responden yang Sangat Tinggi pada setiap elemen dalam komponen Intelpek dapat memberi sumbangan kepada pembinaan Insan Sejahtera dengan purata min 5.6157 dan sisihan piawai 0.6673.

Pencapaian Pertama tertinggi adalah ‘Mencintai membaca dan sentiasa mencari ilmu baharu’ mencapai min 5.7494 dan sisihan piawai 0.5146. Kedudukan Kedua tertinggi pernyataan ‘Berfikiran terbuka, konstruktif dan positif terhadap ilmu’ mendapat min 5.7248 dan sisihan piawai 0.5153. Ketiga adalah pernyataan ‘Berminat dan berusaha penuh mencari ilmu dari buaian hingga ke liang lahad’ dengan min 5.7183 dan sisihan piawai 0.5847. Respon Keempat tertinggi adalah pernyataan ‘Sedia belajar dengan guru tanpa mengira kepercayaan dan agama mereka’ dengan min 5.6175 dan sisihan piawai 0.6153. Tempat Kelima pernyataan ‘Menyedari ilmu boleh mengubah kehidupan seseorang’ mendapat min 5.5836 dan sisihan piawai 0.6724. Keenam adalah ‘Meminati rekacipta, sains dan teknologi’ min 5.5239 dan sisihan piawai 0.6362. Dapatan adalah memberangsangkan kerana respon Ketujuh dengan pernyataan ‘Berhasrat menyambung pengajian ke peringkat Ijazah PhD’ masih mencapai min sangat tinggi iaitu 5.3983 dan sisihan piawai 1.1457.

Dapatan yang ditunjukkan pada Jadual 4.0 memberi keyakinan Sangat Tinggi bahawa komponen Intelpek FPK dapat membina Insan Sejahtera. Responden adalah Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru Sangat Setuju terhadap keupayaan kesemua elemen dalam komponen intelpek dengan pencapaian purata min **5.6157** daripada maksimum min 6.0000.

5) Apakah persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap Dimensi Sosialisasi-Patriotism pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam pembinaan Insan Sejahtera? Jadual 5.0 menunjukkan dapatan kajian mengenai persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap komponen Sosialisasi-Patriotism pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam membina Insan Sejahtera.

Jadual 5.0: FPK Dimensi Sosialisasi-Patriotism Membina Insan Sejahtera: Persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru (N=248)

Dimensi Sosialisasi-Patriotism	Pencapaian Kepentingan			
	Min	SP	Posisi	Pencapaian
Membantu komuniti dalam membina kestabilan negara	5.4869	0.7342	6	Sangat Tinggi
Mematuhi undang-undang dan mengekalkan perpaduan rakyat	5.5274	0.7248	5	Sangat Tinggi
Menghargai dan mengamalkan Prinsip Rukunegara dan agama	5.4537	0.7283	7	Sangat Tinggi
Menghormati dan menghargai pemimpin negara	5.5562	0.7215	4	Sangat Tinggi
Memberi sumbangan kepada rakyat tanpa mengira kerjaya mereka	5.7186	0.5884	1	Sangat Tinggi
Berusaha membina diri dan keluarga demi meningkatkan generasi akan datang hingga persada dunia	5.6819	0.7022	2	Sangat Tinggi

Bersemangat patriotik, mencintai dan sanggup mempertahankan negara	5.5574	0.7236	3	Sangat Tinggi
Purata Min	5.5628	0.7028		Sangat Tinggi

Indeks: 1.00-1.99 = Sangat Rendah; 2.00-2.99= Rendah; 3.00-3.99= Agak Tinggi; 4.00-4.99= Tinggi; 5.00-6.00= Sangat Tinggi.

Jadual 5.0 menunjukkan Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru Sangat Setuju bahawa dimensi **Sosialisasi-Patriotism** FPK dapat membina Insan Sejahtera. Ini terbukti berdasarkan persepsi responden yang Sangat Tinggi pada setiap elemen dalam dimensi **Sosialisasi-Patriotism** dapat memberi sumbangan kepada pembinaan Insan Sejahtera dengan purata min 5.6157 dan sisihan piawai 0.6673.

Pencapaian Pertama tertinggi adalah 'Memberi sumbangan kepada rakyat tanpa mengira kerjaya mereka' mencapai min 5.7186 dan sisihan piawai 0.5884. Kedudukan Kedua tertinggi pernyataan 'Berusaha membina diri dan keluarga demi meningkatkan generasi akan datang hingga persada dunia' mendapat min 5.6819 dan sisihan piawai 0.7022. Ketiga adalah pernyataan 'Bersemangat patriotik, mencintai dan sanggup mempertahankan negara' dengan min 5.5574 dan sisihan piawai 0.7236. Respon Keempat tertinggi adalah pernyataan 'Menghormati dan menghargai pemimpin negara' dengan min 5.5562 dan sisihan piawai 0.7215. Tempat Kelima pernyataan 'Mematuhi undang-undang dan mengekalkan perpaduan rakyat' mendapat min 5.5274 dan sisihan piawai 0.7248. Keenam adalah 'Membantu komuniti dalam membina kestabilan negara' min 5.4869 dan sisihan piawai 0.7342. Dapatan adalah memberangsangkan kerana respon Ketujuh dengan pernyataan 'Menghargai dan mengamalkan Prinsip Rukunegara dan agama' masih mencapai min sangat tinggi iaitu 5.4537 dan sisihan piawai 0.7283.

Dapatan yang ditunjukkan pada Jadual 5.0 memberi keyakinan Sangat Tinggi bahawa dimensi **Sosialisasi-Patriotism** FPK dapat membina Insan Sejahtera. Responden merupakan Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru Sangat Setuju terhadap keupayaan kesemua elemen dalam dimensi **Sosialisasi-Patriotism** dengan pencapaian purata min **5.5628** daripada maksimum min 6.0000.

6) Apakah persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap dimensi Adab pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam pembinaan Insan Sejahtera?

Jadual 6.0 menunjukkan dapatan kajian mengenai persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap dimensi Adab pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam membina Insan Sejahtera.

Jadual 6.0: FPK Dimensi Adab Persekitaran Membina Insan Sejahtera: Persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru (N=248)

Dimensi Adab Persekitaran	Pencapaian Kepentingan			
	Min	SP	Posisi	Pencapaian
Menjaga kebersihan dan kecantikan bilik kuliah untuk menggalakkan pembelajaran	5.6714	0.6553	3	Sangat Tinggi
Membuang benda tak berguna di tempat yang disediakan demi memelihara kejiranan	5.5728	0.7743	5	Sangat Tinggi
Mengekalkan rumah sendiri yang sihat dan sesuai untuk pembelajaran dan pembangunan keluarga	5.6825	0.6536	2	Sangat Tinggi
Bertanggung-jawab mengekalkan persekitaran negara yang sihat dan cantik	5.7416	0.5753	1	Sangat Tinggi
Personaliti ceria, berfikiran positif dan inovatif ke arah transformasi dunia	5.5571	0.6758	6	Sangat Tinggi

Memelihara haiwan dan tanaman untuk mengekalkan ekologi demi produktiviti yang tinggi	5.1093	0.9787	7	Sangat Tinggi
Menggunakan pelbagai kaedah dan teknologi terkini untuk membina kerjaya dan profesionalism	5.6583	0.6617	4	Sangat Tinggi
Purata Min	5.5671	0.7058		Sangat Tinggi

Indeks: 1.00-1.99 = Sangat Rendah; 2.00-2.99= Rendah; 3.00-3.99= Agak Tinggi; 4.00-4.99= Tinggi; 5.00-6.00= Sangat Tinggi.

Jadual 6.0 membuktikan Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru mempunyai persepsi Sangat Tinggi bahawa Adab-Persekitaran akan dapat membina Insan Sejahtera dengan purata min **5.5671** dan sisihan piawai **0.7058**.

Dapatan menunjukkan persepsi Pertama tertinggi adalah pernyataan 'Bertanggung-jawab mengekalkan persekitaran negara yang sihat dan cantik' dengan min 5.7416 dan sisihan piawai 0.5753. Kedudukan Kedua pernyataan 'Mengekalkan rumah sendiri yang sihat dan sesuai untuk pembelajaran dan pembangunan keluarga' min 5.6825 dan sisihan piawai 0.6536. Ketiga tertinggi pernyataan 'Menjaga kebersihan dan kecantikan bilik kuliah untuk menggalakkan pembelajaran' min 5.6714 dan sisihan piawai 0.6553. Keempat pernyataan 'Menggunakan pelbagai kaedah dan teknologi terkini untuk membina kerjaya dan profesionalism' min 5.6583 dan sisihan piawai 0.6617. Persepsi Kelima pernyataan 'Membuang benda tak berguna di tempat yang disediakan demi memelihara kejiranan' min 5.5728 dan sisihan piawai 0.7743. Keenam adalah pernyataan 'Personaliti ceria, berfikiran positif dan inovatif ke arah transformasi dunia' min 5.5571 dan sisihan piawai 0.6758. Persepsi Sangat Tinggi kekal pada kedudukan Ketujuh dengan pernyataan 'Memelihara haiwan dan tanaman untuk mengekalkan ekologi demi produktiviti yang tinggi' min 5.1093 dan sisihan piawai 0.9787.

Jelas menunjukkan bahawa Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru Sangat Bersetuju bahawa dimensi Adab Persekitaran dapat membina Insan sejahtera dengan persepsi Sangat Tinggi berdasarkan pencapaian purata min 5.5671 daripada maksimum min 6.0000.

7) Apakah persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap dimensi Khalifah Allah pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam pembinaan Insan Sejahtera?

Jadual 7.0 memaparkan dapatan kajian mengenai persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap dimensi Hamba Allah pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam membina Insan Sejahtera.

Jadual 7.0: FPK Dimensi Hamba Allah-Khalifatullah Membina Insan Sejahtera: Persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru (N=248)

Dimensi Hamba Allah-Khalifatullah	Pencapaian Kepentingan			
	Min	SP	Posisi	Pencapaian
Bekerja sebagai kewajipan dengan ikhlas dan amanah	5.8137	0.5432	4	Sangat Tinggi
Belajar dan bekerja sebagai ibadah kepada Allah	5.7415	0.5672	6	Sangat Tinggi
Mengerjakan solat lima-waktu setiap hari	5.9025	0.3962	1	Sangat Tinggi
Bekerja sepenuh usaha dengan produktiviti terbaik dan sempurna	5.7039	0.5604	7	Sangat Tinggi
Mengerjakan yang baik dan meninggalkan kejahatan kerana Allah	5.7728	0.5582	5	Sangat Tinggi
Menyedari anugerah terbaik adalah daripada Allah di dunia dan akhirat	5.8472	0.5239	3	Sangat Tinggi
Bertawakkal dan bertaqwa kepada Allah terhadap segala perbuatan, kehidupan dan kesejahteraan	5.8713	0.4285	2	Sangat Tinggi
Purata Min	5.8186	0.5102		Sangat Tinggi

Indeks: 1.00-1.99 = Sangat Rendah; 2.00-2.99= Rendah; 3.00-3.99= Agak Tinggi;

4.00-4.99= Tinggi; 5.00-6.00= Sangat Tinggi.

Jadual 7.0 menunjukkan dapatan sangat memberangsangkan apabila kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru mempunyai persepsi Sangat Tinggi terhadap semua pernyataan dalam dimensi Khalifah Allah dengan purata min 5.8186 dan sisihan piawai 0.5102.

Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru mempunyai persepsi Pertama tertinggi terhadap pembinaan Insan Sejahtera berdasarkan pernyataan ‘Mengerjakan solat lima-waktu setiap hari’ mencapai min 5.9025 dan sisihan piawai 0.3962. Kedua tertinggi adalah pernyataan ‘Bertawakkal dan bertaqwa kepada Allah terhadap segala perbuatan, kehidupan dan kesejahteraan’ dengan min 5.8713 dan sisihan piawai 0.4285. Kedudukan Ketiga tertinggi adalah pernyataan ‘Menyedari anugerah terbaik adalah daripada Allah di dunia dan akhirat’ dengan min 5.8472 dan sisihan piawai 0.5239.

Keempat adalah pernyataan ‘Bekerja sebagai kewajipan dilaksanakan dengan ikhlas dan amanah’ mendapat min 5.8137 dan sisihan piawai 0.5432. Kelima pernyataan ‘Mengerjakan yang baik dan meninggalkan kejahatan kerana Allah’ mencapai min 5.7728 dan sisihan piawai 0.5582. Keenam pernyataan Belajar dan bekerja sebagai ibadah kepada Allah dengan min 5.7415 dan sisihan piawai 0.5672. Manakala kedudukan Ketujuh yang masih kekal Sangat Tinggi adalah pernyataan ‘Bekerja sepenuh usaha dengan produktiviti terbaik dan sempurna’ mendapat min 5.7039 dan sisihan piawai 0.5604.

Jadual 7.0 merumuskan bahawa Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru Sangat Bersetuju bahawa Falsafah Pendidikan berteraskan dimensi Khalifatullah akan dapat membina Insan Sejahtera dengan persepsi yang Sangat Tinggi melalui pencapaian min 5.8186 daripada maksimum min 6.0000.

8) Apakah persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap Paradigma JERISAH pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam pembinaan Insan Sejahtera?

Jadual 8.0 menunjukkan dapatan kajian mengenai persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru terhadap paradigma JERISAH pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam membina Insan Sejahtera.

Jadual 8.0: Pencapaian FPK Paradigma JERISAH Membina Insan Sejahtera: Persepsi Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru (N=248)

Dimensi	Komponen	Min	Sisihan Piawai	Kedudukan	Pencapaian
1.	Jasmani	4.8614	1.1517	7	Tinggi
2.	Emosi	5.6471	0.5952	3	Sangat Tinggi
3.	Rohani	5.7686	0.5598	2	Sangat Tinggi
4.	Intelek	5.6157	0.6673	4	Sangat Tinggi
Purata Min JERI		5.4732	0.7435		Sangat Tinggi
5.	Sosialisasi	5.5628	0.7028	6	Sangat Tinggi
6.	Adab	5.5671	0.7058	5	Sangat Tinggi
7.	Hamba Allah	5.8186	0.5107	1	Sangat Tinggi
Purata Min SAH		5.6495	0.6397		Sangat Tinggi
Jumlah Purata Min JERISAH		5.5487	0.6990		Sangat Tinggi
Perbezaan Min JERI dan SAH		0.1763			

Jadual 8.0 menunjukkan Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru Sangat Setuju bahawa Falsafah Pendidikan Kebangsaan komponen JERISAH dapat membina Insan Sejahtera dengan enam daripada tujuh komponen mencapai min Sangat Tinggi. Komponen Pertama tertinggi ialah Dimensi Hamba Allah-Khalifatullah mencapai min 5.8186 dan sisihan piawai 0.5107. Kedudukan Kedua ialah Dimensi Rohani min 5.7686 dan sisihan piawai 0.5598. Tempat Ketiga ialah Dimensi Emosi min 5.6471 dan sisihan piawai 0.5952. Keempat Dimensi Intelek min 5.6157 dan sisihan piawai 0.6673. Kelima Dimensi Adab min 5.5671 dan sisihan piawai 0.7058. Keenam Dimensi Sosialisasi min 5.5628 dan sisihan piawai 0.7028. Kedudukan Ketujuh iaitu Dimensi Jasmani persepsi Tinggi memperoleh min 4.8614 dan sisihan piawai 1.1517.

Dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 8.0 membuktikan Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru Sangat Setuju bahawa Falsafah Pendidikan Kebangsaan komponen JERI dapat membina Insan Sejahtera dengan persepsi yang Sangat Tinggi iaitu min 5.4732 dan sisihan piawai 0.6397. Keupayaan semakin meningkat dengan tambahan dimensi SAH yang mencapai purata min 5.6495 dan sisihan piawai 0.6397 iaitu melebihi min 0.1763.

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru Sangat Setuju bahawa FPK paradigma JERISAH berkupayaan Sangat Tinggi untuk membina Insan Sejahtera berdasarkan pencapaian jumlah min 5.5487 dan sisihan piawai 0.6990.

Perbincangan FPK paradigma JERISAH membina Insan Sejahtera

Berdasarkan kajian jelas terbukti bahawa Falsafah Pendidikan Kebangsaan paradigma JERISAH Sangat Tinggi keupayaan dalam pembinaan insan sejahtera. Bagi mencapai kehidupan sejahtera, individu mestilah mempunyai sejumlah nilai-nilai yang diamalkan sebagai konstruk minda yang mempengaruhi sikap dan membentuk tingkah laku mulia dan keterampilan minda konstruktif innovative serta fizikal yang kuat dan sihat.

Kekuatan jasmani para sahabat dan khalifah Islam berjaya membina kelestarian kegemilangan strategi dan logistic seperti dibuktikan oleh Khalifah Umar Al-Khattab pembina empayar Islam, Khalifah Muawiyah Abu Suffian pembina armada tentera laut pertama Islam berjaya menguasai Laut Mediterranean, Sultan Solehuddin Al-Ayubi menumpaskan tentera Salib, dan, Sultan Mohamed Al-Fateh menakluki Kota Istanbul pusat pemerintahan Empayar Kristian Roman Timur.

Imam Al-Ghazali menegaskan bahawa perlakuan emosi amarah yang mendorong kejahatan dan kemusnahan perlu dikikis dengan pengamalan dzikir kepada Allah supaya mendapat hidayah, Inayah dan rahmat-Nya, sehingga sifat madzmumah-tercela diganti dengan perlakuan mahmudah-terpuji. Pembentukan 'Emosi' yang tenang dan bahagia perlu boleh dibina dengan mengetahui dan meyakini nilai baik dan buruk, menghargai persahabatan, mempunyai potensi berjaya dalam kehidupan, menghormati semua orang tanpa mengira kaum dan kepercayaan, berusaha membina kebolehan diri, berfikir sebelum bertindak dan sentiasa tenang-bahagia. Kehidupan sejahtera harmonis adalah matlamat pembangunan negara, khususnya pembangunan dari perspektif Islam universal lestari.

Terbukti individu emosi tidak stabil, resah gundah dan stress melampau ada tendensi untuk mencederakan diri dan orang lain. Bahkan paling trajik ialah kesanggupan membunuh diri sendiri dan keluarga terdekat termasuk ibu-bapa - Nauzubillah. Kerencaman dan kecelaruan jiwa sering berlaku di negara maju yang mengabaikan pendidikan emosi sejahtera hingga mengakibatkan kadar bunuh diri tertinggi terutama dalam kalangan remaja berbanding negara

membangun dan negara Islam. Keterlibatan bunuh diri merupakan tragedi sangat mengaibkan dari perspektif agama dan kemanusiaan bahkan lebih dayus daripada melihat kemungkinan tanpa menolak kerana tiada kemampuan dan autoriti.

Nilai-nilai dan keterampilan intelek profesional terbentuk dalam diri individu melalui pendidikan holistik Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah, interaksi kekeluargaan firdausi, komuniti harmonis, jalinan rangkaian persahabatan akal budi, sosialisasi iltizam patriotik, dan, keberanggungan amanah Khalifatullah berprinsip dan orientasi rahmatn-lil-alamiin.

Kehidupan sejahtera dapat membekalkan setiap individu dengan keperluan, kemudahan yang cukup, ketenangan minda sanubari dan kedamaian jiwa rohani berteraskan iman. Iman mengikut perspektif Islam terbahagi kepada beberapa kategori iaitu muslim, mukmin, mukhlisin, muttaqin, dan, muqarrabin. Hierarki keimanan ini akan membentuk perilaku yang dizahirkan dan menjadi teras kepada ketenangan minda, kedamaian emosi dan kesejahteraan jiwa.

Individu insan sosialisasi komprehensif sentiasa berinteraksi dengan penuh hikmah bijaksana, menjaga akrab persahabatan, menghargai sumbangan masyarakat, menghormati pemimpin sebagai pengikut positif inovatif, dan sentiasa berganding bahu berkorban membangunkan negara demi generasi akan datang.

Kegemilangan peradaban Islam yang dipelopori Rasulullah SAW sebagai Nabi, Rasul, Ketua Keluarga, dan, Negarawan yang diteruskan oleh Saidina Abu Bakar As-Siddiq RA sebagai Penyelamat Negara Islam, Saidina Umar Al-Khattab RA sebagai Pembina Empayar Islam, Saidina Uthman Ibnu Affan RA perintis pembinaan armada maritime dan ketinggian hikmah kepimpinan Saidina Ali Abi Talib RA. Tamadun yang dibina dengan keluhuran adab menifestasi syahadah telah berjaya membina peradaban Islam yang memperjuangkan prinsip Maqasid Syariah gilang-gemilang penuh kesejahteraan.

Sebaliknya, terbukti dalam sejarah bahawa kegemilangan sesuatu tamadun di Barat dan Timur yang menyerlah megah pembangunan fizikal, infrastruktur, bangunan dan inovasi saintifik yang dikagumi hingga hari ini telah musnah. Kebiasaan disebabkan pemimpin dan rakyatnya mengabaikan keluhuran adab sopan, akhlak tatasusila, hati budi kemanusiaan dan kesucian keagamaan.

Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru Sangat Setuju bahawa pembinaan Insan Sejahtera bahkan Insan Kamil adalah berteraskan dimensi Khalifatullah (min-5.8186), Rohani (min-5.7686) dan Emosi (min-5.6471) merupakan tiga min tertinggi yang kesemuanya amat berkait rapat dengan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah.

Kajian membuktikan FPK paradigma JERISAH mencapai persepsi Sangat Tinggi dalam kalangan Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru serta Sangat Bersetuju keupayaan membina Insan Sejahtera, Insan Kamil dan Insan Taqwa yang dikurniakan Allah SWT kejayaan-kesejahteraan di dunia dan kejayaan-kebahagiaan abadi di akhirat. Wallahu-Alam.

Penutup

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan Kepimpinan Pendidikan dan Guru-guru Sangat Setuju bahawa FPK paradigma JERISAH berkupayaan Sangat Tinggi untuk membina Insan Sejahtera dan Bertaqwa berdasarkan pencapaian purata min 5.5487 daripada min 6.000. Penggubal dan peneraju pendidikan negara berkewajipan menjana kelestarian dan kredibiliti

FPK dengan mewujudkan institusi pendidikan kondusif, harmoni ceria dan produktif demi menghasilkan pelajar intelektual professional, bersepadu, seimbang, patriotik, harmonis, beradab luhur dan holistik universal yang cemerlang di peringkat nasional dan berketerampilan di persada internasional merentas generasi dan zaman menelusuri pendidikan lestari sepanjang hayat melampaui abad ke-21 selaras dengan prinsip Maqasid Shariah dan pencapaian Matlamat Kelestarian Pembangunan Global (SDG). Jelaslah bahawa FPK berorientasikan perspektif Islam komprehensif dengan paradigma **Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek, Sosialisasi-Patriotik, Adab-Peradaban, dan Hamba Allah-Khalifatullah - JERISAH** berwibawa dan berketerampilan dalam pembangunan insan sejahtera dan bertaqwa ke arah merealisasikan PPPM 2013-2025, PPPTM 2015-2025 dan Plan Pembangunan Malaysia Maju 2030.

Rujukan

- Al-Quran Terjemahan. (2014). *Al-Quran Al-Karim: Terjemahan & Tajwid Berwarna*. Kuala Lumpur: Karya Bestari.
- Ahmed, M. K. (2014). *American Journal of Humanities and Social Sciences. Perspectives on the Discourse of Islamization of Education*, 43-53.
- Al-Attas, S. M. Naquib. (1978). *Islam and Secularism*. KL: Muslim Youth Movement Malaysia.
- Al-Attas, S. M. Naquib. (1991). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC
- Al-Faruqi, I. R. (1982). *The Islamization of Knowledge*. (Virginia: IIT)
- Al-Ghazali. (2015). *Intisari Ihya Ulumuddin: Tazkiyah an-Nafs*. Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn Bhd.
- Al-Hudawi, S. (2014). *The Actualization of The Malaysian National Education Philosophy in Secondary Schools: Students and Teachers Perspectives*. *International Education Studies*. 57 -68.
- Ana Nur Hidayah Mohd Raffali and Mohamad Johdi Salleh. (2020). *Exploring Growth Mindset in The Qur'an towards Integrating Islamic Values with Education*. Proceeding - Malaysia International Convention on Education Research & Management - MICER 14th-16th March 2020. Organizer: MICER-IIUM. Venue: Bangi Resort Hotel, Bandar Baru Bangi, Malaysia. EISBN-978-967-2072-38-6.
- Azmat, T. (2016). *Understanding and Quranic revelation: the dynamic hermeneutic of Irfan A. Khan*. Chicago, IL: Lutheran School of Theology at Chicago.
- Benade, L. (2015). Teachers' Critical Reflective Practice in The Context of Twenty-first Century Learning. *Open Review of Educational Research*, Vol. 2 (1), 42-54.
- Buletin Anjakan. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Bil.4)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Dzulkifli Abdul Razak. (2017). *Nurturing A Balanced Person: The Leadership Challenge. A New Expanded Edition*. Kuala Lumpur: ITBM & USIM.
- Dzulkifli Abdul Razak. (2019). Introduce 'Sejahtera' values in Education. Retrieved from <https://www.nst.com.my/opinion/letters/2019/05/493104/introduce-sejahtera-values-education>.
- Dzulkifli Abdul Razak & Rosnani Hashim. (2020). *Pentafsiran Baharu - Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Perlaksanaannya Pasca 2020*. Gombak: IIUM Press.
- Fakhry, M. (1996). *A History of Islamic Philosophy*. New York: Columbia University Press
- Fatah, Y.R.F., & Jani, M.S. (2013) Islamic education: the philosophy, aim, and main features. *International Journal of Education and Research*, 1 (10). pp. 1-18. ISSN 2201-6740 (O), 2201-6333 (P).
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan – PIPP 2006-2010*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – PPPM 2013-2025*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia – PPPTM 2015-2025*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kneller, G. (1964). *Introduction to the Philosophy of Education*. N. Y. Wiley.
- Lipman, M. (1988). *Philosophy Goes to School*. Philadelphia: Temple University
- Maimun Aqsha Lubis, Ramlee Mustapha, & Abdullah Awang Lampoh. (2009). *Integrated Islamic Education in Brunei Darussalam: Philosophical Issues and Challenges*. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(2), 2009 51-60.
- Mohamad Johdi Salleh. (2008). *The Principles of Education in Islam*. International Seminar on Philosophy of Education and Islamic Civilization. 2nd and 3rd August 2008. Wisma MUIS - Majlis Ugama Islam Singapore.
- Mohamad Johdi Salleh. (2009). *The Integrated Islamic Education: Principles and Needs for Thematic Approaches*. International Seminar on Philosophy of Education and Islamic Civilization. 14th November 2009. Wisma MUIS - Majlis Ugama Islam Singapore
- Mohamad Johdi Salleh and Muhamad Hafiz Khamis Al-Hafiz. (2010). *Philosophy and Objectives of Education in Islam*. Regional Conference on Islamic Education. Glenmarie Shah Alam 24th – 25th July 2010. Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim Perak.
- Mohamad Johdi Salleh and Muhammad Hatta. (2018). *Best Practices of Promoting a Positive School Learning Climate among Principals of Cluster Secondary Schools Towards Realization of Education Blueprint 2013-2025 Malaysia*. *Advances in Social Sciences Research Journal*. Vol. 5, No. 8. 25 August 2018. Pp. 223-233. ISSN: 58.2505.
- Mohamad Johdi Salleh and Muhammad Hatta. (2019) *Best Practice of Teacher Profesional Developmnt in Malaysia*. *UMT Education Review - UER - Vol No 2, Issue No 2, Fall 2019 - ISSN 2616-9763 (P)*
- Mohamad Johdi Salleh and Surayya Abu Bakar. (2018). *Best practices of promoting a positive school learning climate among headteachers of high performing primary schools and education blueprint 2013-2025 Malaysia*. *European Journal of Education Studies*, 4 (12). pp. 287-302. ISSN 2501-1111
- Mohamed Amin. (2016). *Pemikiran dan Reka Bentuk Semula Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Sarif Khan. (1986). *Islamic Education*. New Delhi: India.
- W. M. Nor Wan Daud. (1989). *The Concept of Knowledge in Islam*. New York, U.S.A.: Mansell Publishing Limited
- Rayan, S. (2012). *Islamic Philosophy of Education*. *International. Journal of Humanities and Social Science*, Vol. 2 No. 19.
- Roos Niza Mohd Shariff dan Rohana Yusof. (2018). *Pembangunan Modal Insan*. Sintok: Northern Corridor Research Centre UUM.
- Sheikh, S.U., & Ali, M.A. (2019). *Al-Ghazali’s Aims and Objectives of Islamic education*. *Journal of Education and Educational Development*, 6(1), 111-125.
- Sultana, Q. N. (2014). *Philosophy of Education: An Islamic. Perspective*. *Philosophy and Progress*, 9–36.